

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID  
[PENGERANG]**

**TARIKH : 16 JULAI 2019 (SELASA)**

**SOALAN NO. 55**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah rasional pihak Parlimen yang sering menetapkan had masa bagi mengawal pertanyaan jawab lisan dan juga perbahasan dan sejauh mana ini bertentangan dengan hak Ahli-Ahli Dewan Rakyat dalam mengemukakan dan membahaskan isu - isu penting negara dan rakyat kawasan yang diwakili masing-masing.

**JAWAPAN: YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN  
TIMBALAN MENTERI DI JPM**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam usaha-usaha ke arah mengembalikan wibawa institusi Parlimen serta selaras dengan Reformasi Parlimen, penetapan masa bagi sesi Pertanyaan-Pertanyaan Jawab Lisan telah dilaksanakan bermula pada Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Parlimen Keempat Belas (11 Mac 2019 – 11 April 2019). Surat pemakluman penetapan masa ini telah dimaklumkan kepada setiap Ahli Yang Berhormat pada Isnin, 4 Mac 2019.

Setiap Pertanyaan Jawab Lisan dihadkan selama 6 minit dengan pecahan masa seperti berikut:

<b>PERKARA</b>	<b>MASA</b>
Soalan dan jawapan kepada pertanyaan asal	3 Minit
Soalan tambahan pertama	30 Saat
Jawapan bagi soalan tambahan pertama	1 Minit
Soalan tambahan kedua	30 Saat
Jawapan bagi soalan tambahan kedua	1 Minit
	<b>6 Minit</b>

Penetapan masa ini bertujuan bagi membolehkan anggaran 15 pertanyaan jawab lisan dapat dijawab sewaktu sesi Pertanyaan-Pertanyaan Jawab lisan selama 1 jam 30 minit.

Selain daripada itu, penetapan masa semasa perbahasan dilaksanakan agar dapat memberi ruang dan peluang kepada lebih ramai Ahli Dewan Rakyat untuk turut berbahas isu-isu yang dibincangkan. Ini juga bertujuan agar perbahasan Ahli Dewan Rakyat lebih berkualiti dan fokus kepada isu-isu yang dibincangkan. Meskipun di negara-negara maju tiada had masa dikenakan namun amalan disana adalah soalan dan jawapan yang diberikan adalah bersifat ringkas tapi padat. Oleh itu, aturan baru ini sewajarnya dilihat dalam konteks tersebut.

Sekian, terima kasih.